

SULIT

**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**BILANGAN 9 TAHUN 2020**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**  
**MASA : 9.00 PAGI**  
**TEMPAT : PEJABAT/KEDIAMAN MASING-MASING**  
**(SECARA ATAS TALIAN)**

**HADIR**

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, *D.I.M.P.*- Pengerusi  
(Yang Dipertua)
2. Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin - Ahli Majlis  
Tengku Harun, *D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.*  
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya  
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. Encik Wong Kim Loon - Ahli Majlis
4. Encik Rosdi bin Meor Endut - Ahli Majlis
5. Encik Mat Irwan bin Ismail - Ahli Majlis
6. Cik Ang Lee Yong - Ahli Majlis
7. Encik Ang Eu Liang - Ahli Majlis
8. Encik Nadasan a/l Subramani - Ahli Majlis
9. Encik Haridass a/l Ramasamy - Ahli Majlis
10. Encik Gan Yee Chin - Ahli Majlis
11. Encik Teh Eng Teck - Ahli Majlis
12. Encik Lim Tou Yih - Ahli Majlis
13. Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman - Ahli Majlis
14. Encik Munusamy a/l Erishin - Ahli Majlis
15. Encik Razali bin Ahmad - Ahli Majlis
16. Puan Nor Aishah binti Abdul Majid - Ahli Majlis
17. Encik Sethupathy a/l Subramaniam - Ahli Majlis
18. Puan Rahimah binti Harun - Ahli Majlis
19. Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam - Ahli Majlis

- |     |  |   |                     |
|-----|--|---|---------------------|
| 20. | Encik Low Kok Hua                                  | - | Ahli Majlis         |
| 21. | Encik Mohd Safiee bin Harun                        | - | Ahli Majlis         |
| 22. | Encik Yong Keh Chyn                                | - | Ahli Majlis         |
| 23. | Encik Abu Bakar bin Mohamad                        | - | Ahli Majlis         |
| 24. | Encik Naharanuar bin Ayob                          | - | Ahli Majlis         |
| 25. | Encik Miskon bin Haji Karim, <i>A.I.S., P.P.T.</i> | - | Penolong Setiausaha |

#### **TURUT HADIR**

- |     |   |   |   |
|-----|---|---|---|
| 1.  | Tuan Haji Arpaaii bin Haji Sanat, <i>A.M.S., P.P.T., P.K.T.</i> - |   | Pengarah Jabatan<br>Perancangan Pembangunan                               |
| 2.  | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i>                       | - | Pengarah Jabatan<br>Perbendaharaan  |
| 3.  | Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, <i>P.P.T.</i>                    | - | Pengarah Jabatan<br>Kejuruteraan  |
| 4.  | Tuan Haji Zailani bin Hashim, <i>P.P.T., P.K.T.</i>               | - | Pengarah Jabatan<br>Pengurusan Sisa Pepejal<br>dan Kesihatan Persekitaran |
| 5.  | Encik Hishamuddin bin Ismail, <i>P.P.T.</i>                       | - | Pengarah Jabatan<br>Korporat dan Pembangunan<br>Masyarakat                |
| 6.  | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad                                    | - | Pengarah Jabatan Kawalan<br>Bangunan                                      |
| 7.  | Puan Lisawati binti Abd. Karim                                    | - | Pengarah Jabatan<br>Penilaian dan Pengurusan<br>Harta                     |
| 8.  | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap                                  | - | Pengarah Jabatan<br>Landskap  |
| 9.  | Puan Nordila binti Yasir  | - | Pengarah Jabatan<br>Pelesenan   |
| 10. | Puan Hashila binti Hamzah   | - | Pengarah Jabatan<br>Penguatkuasaan  |
| 11. | YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai@<br>Subaramaniam            | - | Ketua Unit Audit Dalam  |
| 12. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin                              | - | Ketua Bahagian Teknologi<br>Maklumat                                      |

- |     |   |   |   |
|-----|---|---|---|
| 13. | Encik Muhammad Asyraf bin Mohammad Jasni- |   | Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan         |
| 14. | Encik Hasrizal bin Abdul Rahim            | - | Ketua Unit Perundangan                      |
| 15. | Puan Azliana binti Rahinon                | - | Wakil Ketua Unit OSC                        |
| 16. | Encik Mohamad Zaid bin Rosali             | - | Wakil Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan       |
| 17. | Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin | - | Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |   |   |             |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Encik Baharudin bin Misran, <i>P.J.K.</i> | - | Ahli Majlis |
|----|---|---|-------------|

**DIJEMPUT HADIR**

- |    |  |   |           |
|----|--|---|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Lau Weng San<br>Ahli Dewan Negeri Selangor Kawasan Banting | - | Pemerhati |
|----|--|---|-----------|

**URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

- |    |                                     |   |                             |
|----|-------------------------------------|---|-----------------------------|
| 1. | Tuan Haji Fauzi bin Din, <i>PJK</i> | - | Pegawai Undang-Undang       |
| 2. | Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus  | - | Penolong Pegawai Tadbir     |
| 3. | Puan Rosmawati binti Othman         | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 4. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi      | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	<u>UCAPAN Pengerusi</u>		
	Mesyuarat telah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan doa bagi ahli mesyuarat yang beragama Islam.		
2.0	<u>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</u>		
	2.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 8 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 21 OKTOBER 2020	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Mat Irwan bin Ismail dan disokong oleh Encik Gan Yee Chin tanpa pindaan.	Makluman
3.0	<u>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</u>		
		- TIADA -	
4.0	<u>MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</u>		
	4.1	MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BILANGAN 2 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 27 OKTOBER 2020.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara berikut :	
	4.1.1	<b>Perkara 4.1</b> Encik Wong Kim Loon membangkitkan mengenai kemudahan rawatan klinik swasta panel Red Alert kepada anak yang berusia 18 tahun ke atas dan masih belajar. Selain itu, beliau ingin tahu sama ada terdapat kemudahan untuk kakitangan MPKL menjalani	



		<p>pemeriksaan darah.</p> <p><i>Mesyuarat dimaklumkan penggunaan kad Red Alert tidak terpakai kepada anak-anak yang berusia 18 tahun ke atas sama ada masih belajar atau tidak. Manakala pemeriksaan darah dilakukan terhadap kakitangan yang menjalankan kerja-kerja semburan kabus dan pemeriksaan kesihatan untuk kakitangan yang berumur 40 tahun ke atas.</i></p> <p><i>Encik Wong Kim Loon menyatakan kesihatan kakitangan adalah penting. Oleh itu, beliau mencadangkan kakitangan dan Ahli Majlis diberikan kemudahan pemeriksaan darah setahun sekali.</i></p> <p><i>Penolong Setiausaha memaklumkan pihak Majlis akan cuba berbincang dengan Pejabat Kesihatan Daerah untuk mengatitkan tarikh pemeriksaan darah semua Ahli Majlis secara berkumpulan.</i></p>	<b>Makluman</b>
	<b>4.2</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 9 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 NOVEMBER 2020.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	<b>4.2.1</b>	<p><b>Perkara 4.1.3</b></p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu sama kedai-kedai dibenarkan untuk membuat aktiviti kitar semula kerana ia mengotorkan persekitaran kawasan kedai tersebut.</p> <p><i>Pengarah JPP memaklumkan terdapat 5 pusat kitar semula yang dibiayai peruntukan oleh KPKT dan pihak Jabatan sedang berusaha untuk mengaktifkan semula pusat kitar semula tersebut. Namun sekiranya terdapat pemilik kedai yang tiada tempat untuk mengumpulkan barang kitar semula boleh datang ke jabatan untuk berbincang dan sekiranya dipersetujui pihak Majlis boleh menawarkan sewaan pusat kitar semula tersebut kepada mereka.</i></p> <p><i>Encik Naharanuar mencadangkan pihak Majlis bekerjasama dengan NGO dalam menggerakkan program kitar semula.</i></p> <p><i>Mesyuarat dimaklumkan pada masa ini pihak Majlis ada menjalinkan kerjasama dengan beberapa NGO seperti</i></p>	<b>Makluman</b>

		<i>Trash Hero dan Persatuan Tzu Chi melibatkan aktiviti kitar semula. Namun sekiranya terdapat NGO lain yang berminat dengan program ini boleh datang ke Jabatan untuk perbincangan lanjut.</i>	
4.2.2	<b>Perkara 4.5.1</b>	<p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu sama ada pihak Majlis akan memasang papan tanda jadual kutipan sampah pukal di taman-taman perumahan.</p> <p><i>Pengarah JPSPKP memaklumkan pada masa ini kutipan sampah pukal dilakukan oleh kontraktor yang dilantik oleh pihak Majlis dengan kekerapan 4 kali sebulan pada setiap hari Sabtu. Oleh itu, penduduk yang ingin membuang sampah pukal atau sampah kebun boleh menghubungi JPSPKP untuk kutipan sampah tersebut. Pihak KDEB ada memaklumkan akan memasang papan tanda jenis "slot in" berserta nama penyelia kawasan dan nombor telefon untuk dihubungi. Mulai bulan September 2021 pengurusan sampah pukal akan diambil alih oleh KDEB.</i></p>	<b>Makluman</b>
4.3	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 8 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 NOVEMBER 2020.</b>		
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
4.4	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 8 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 NOVEMBER 2020.</b>		
		<p>Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan <b><u>dengan pembedulan</u></b> :</p> <p>Memasukkan nama Encik Yong Keh Chyn dalam senarai kehadiran.</p>	<b>Makluman</b>

	<b>4.5</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 9 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 NOVEMBER 2020.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara berikut :	
	<b>4.5.1</b>	<p>Encik Naharanuar memaklumkan peruntukan program MPP Ahli Majlis baharu didapati masih banyak untuk digunakan sehingga hujung tahun ini memandangkan tiada program boleh dilaksanakan susulan COVID-19. Beliau ingin tahu sama ada dibenarkan untuk Ahli Majlis yang mempunyai peruntukan yang banyak membuat sumbangan kepada MPP Ahli Majlis yang tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi.</p> <p><i>Tuan Pengerusi kurang bersetuju dengan cadangan tersebut dan menyatakan Ahli Majlis boleh bekerjasama dengan berkongsi peruntukan dalam membuat program penyampaian sumbangan di zon MPP masing-masing.</i></p> <p><i>Pengarah JKPM memaklumkan pengeluaran peruntukan MPP sama ada bagi tujuan penganjuran program atau sumbangan perlu disertakan dengan kertas kerja. Sebelum ini pecahan penggunaan peruntukan MPP adalah 60% untuk program dan 40% untuk sumbangan. Namun disebabkan penularan COVID-19, pihak Majlis telah bersetuju bahawa 100% peruntukan boleh digunakan untuk sumbangan memandangkan tiada program boleh dianjurkan sehingga hujung tahun ini.</i></p>	<b>Makluman</b>
	<b>4.6</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 7 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 NOVEMBER 2020.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	

	<b>4.7</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 9 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 NOVEMBER 2020.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara berikut :	
		<p><b>Perkara 4.5</b></p> <p>Encik Gan Yee Chin ingin tahu sama ada individu yang mempunyai beberapa akaun cukai taksiran dibenarkan menyertai program pemberian rebat ini.</p> <p><i>Pengarah JP memaklumkan individu yang mempunyai beberapa akaun cukai taksiran dibenarkan menyertai program pemberian rebat ini kecuali pegangan yang masih di bawah pemilikan pemaju.</i></p>	<b>Makluman</b>
	<b>4.8</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 7 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 16 NOVEMBER 2020.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara berikut :	
	4.8.1	Pembetulan ejaan nama Encik Yong Keh Chyn.	<b>Makluman</b>
	4.8.2	<p><b>Perkara 5.3.4</b></p> <p>Encik Gan Yee Chin ingin tahu jumlah maksimum kompaun berdasarkan Undang-Undang Kecil/Enakmen yang boleh dikenakan kepada penternak yang melepaskan lembu berkeliaran. Ini adalah kerana berdasarkan Enakmen Mengawal Lembu Kerbau 1971 ada menyatakan bahawa seseorang yang membela lembu di kawasan yang dilarang boleh dikenakan denda yang tidak melebihi satu ribu ringgit.</p> <p><i>Mesyuarat dimaklumkan jumlah maksimum kompaun yang boleh dikenakan adalah RM 300.00.</i></p> <p><i>Encik Wong Kim Loon menyatakan isu ini telah dibangkitkan di peringkat Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat dan juga MPKL. Beliau berpendapat pengawalan ternakan ini memerlukan kerjasama</i></p>	<b>Makluman</b>

		<p><i>Jabatan Veterinar dimana penternak diminta mendaftar dengan jabatan tersebut. Apabila sesuatu kemalangan berlaku melibatkan lembu, tiada pemilik/penternak yang akan mengakui lembu tersebut milik mereka.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan daerah Kuala Langat tidak diwartakan sebagai kawasan larangan menternak lembu, kerbau atau mana-mana haiwan berkaki empat. Enakmen tersebut ada mencatatkan penguasa-penguasa yang terlibat dalam mengawal lembu kerbau ini dan beliau berpendapat Jabatan Veterinar seharusnya mempunyai senarai inventori penternak lembu di daerah Kuala Langat. Oleh itu, beliau mencadangkan isu ini dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah Kuala Langat kerana pelbagai agensi kerajaan terdapat dalam jawatankuasa tersebut.</i></p> <p><i>Encik Naharanuar mencadangkan tindakan berkala dilakukan dengan kerjasama jabatan-jabatan yang terlibat.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi menyatakan Jabatan Veterinar perlu memainkan peranan utama dan mengetuai perkara ini.</i></p>	<b>Makluman</b>
<b>5.0</b>	<b><u>MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</u></b>		
	<b>5.1</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 14 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 OKTOBER 2020.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	<b>Makluman</b>
<b>6.0</b>	<b><u>PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN</u></b>		
	<b>6.1</b>	<p><b><u>KERTAS MESYUARAT NO. 1</u></b></p> <p><b>KERTAS CADANGAN PENYERAGAMAN PINDAAN PERINTAH TETAP MESYUARAT (MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT) 2007.</b></p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p>	<b>UP</b>



	<p><u>Maklumat ringkas pindaan Perintah Tetap Mesyuarat</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memasukkan beberapa pindaan di dalam bahagian tafsiran agar keperluan mesyuarat secara atas talian dapat diselaraskan. Antara tafsiran yang berkaitan ialah mesyuarat dan mesyuarat atas talian.</li> <li>2. Pindaan kepada kaedah penyampaian notis jemputan mesyuarat juga diperkemaskinikan.</li> <li>3. Peruntukan kaedah pelaksanaan mesyuarat ditambah dengan mesyuarat atas talian.</li> <li>4. Keperluan kaedah untuk mengira kuorum mesyuarat juga diperuntukkan dalam Perintah 8.</li> <li>5. Kaedah penyingkiran Ahli Mesyuarat daripada sidang mesyuarat atas talian juga diperuntukkan sekiranya didapati Ahli Mesyuarat berkelakuan kurang sopan atau keadaan yang memerlukan berbuat demikian.</li> <li>6. Kehadiran pihak-pihak lain seperti ketua jabatan, wakil jabatan teknikal dan orang awam ke dalam mesyuarat atas talian dibenarkan dengan keizinan pihak pengerusi mesyuarat.</li> <li>7. Pihak Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor masih meneliti draf gubalan Undang-Undang Kecil ini dan kertas cadangan ini adalah demi mewujudkan dasar dan keseragaman pihak PBT Negeri Selangor diperlukan untuk menggesa agar pindaan kepada Perintah Tetap Mesyuarat ini dapat disegerakan.</li> <li>8. Pihak Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri mengharapkan agar pihak MPKL dapat memberikan kelulusan dasar melalui Mesyuarat Majlis untuk pindaan ini.</li> </ol> <p><u>Implikasi perundangan dan kewangan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kelulusan daripada pihak Mesyuarat Majlis yang mulia pada hari ini adalah penting untuk tujuan pemindaan Perintah Tetap Mesyuarat tersebut.</li> <li>2. Draf pindaan yang sebenar akan disediakan dan diperhalusi oleh Kamar Penasihat Undang-undang dan akan dibentangkan oleh setiap PBT kemudiannya.</li> </ol>	
--	---	--

		<p>3. Berdasarkan seksyen 103, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pindaan Perintah Tetap Mesyuarat ini hanya boleh dikuatkuasakan selepas ianya diwartakan. Namun atas keperluan semasa, pelaksanaan mesyuarat dalam talian telah dilaksanakan oleh beberapa PBT di Selangor.</p> <p>4. Pindaan ini amat perlu agar pelaksanaan mesyuarat boleh diperbagaikan dan masih mengikut keperluan perundangan.</p> <p>5. Segala kos penggubalan dan pewartaan perundangan ini adalah ditanggung oleh pihak Majlis Perbandaran Kuala Langat.</p> <p><u>Syor urus setia</u></p> <p>1. Unit perundangan sebagai urusetia kertas mesyuarat ini memohon jasa baik pihak ahli mesyuarat , Mesyuarat Majlis yang bersidang pada pagi ini untuk meluluskan secara dasar keperluan pindaan kepada Perintah Tetap Mesyuarat ( Majlis Daerah Kuala Langat ) 2007.</p> <p>2. Meluluskan secara dasar penggubalan atau pindaan kepada Perintah Tetap Mesyuarat (Majlis Daerah Kuala Langat) 2007.</p> <p><b><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan secara dasar penggubalan atau pindaan kepada Perintah Tetap Mesyuarat (Majlis Daerah Kuala Langat) 2007 ini.</p>	
	6.2	<p><b><u>KERTAS MESYUARAT NO. 2</u></b></p> <p><b>KERTAS CADANGAN MENETAPKAN KENDERAAN DAN PEMANDU UNTUK SETIAUSAHA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT.</b></p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Punca kuasa perundangan</u></p> <p>1. Pihak urus setia merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil 1 Tahun 2013 ( PPNS 1/2013 ) yang memberikan kuasa Peruntukan Kenderaan Rasmi Jabatan bagi</p>	JKP

	<p>Pegawai Gred 54 ( Bukan Ketua Jabatan) di Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>2. Namun begitu, bagi MPKL pihak urusetia mencadangkan untuk menerima pakai Pekeliling tersebut dengan pindaan iaitu menurunkan gred pegawai tersebut kepada Gred 52. Ini adalah kerana setakat ini Waran Perjawatan sedia ada untuk Setiausaha MPKL menetapkan dengan jawatan Pegawai Tadbir Gred 52.</li> <li>3. Syarat-syarat penggunaan yang terkandung di dalam pekeliling PPNS 1/2013 di perkara 4.0 hingga 8.0 adalah terpakai terutama butiran berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>3.3.1. Kenderaan yang diperuntukan hendaklah digunakan untuk tugas rasmi sahaja.</li> <li>3.3.2 Kenderaan ini hendaklah dipandu oleh pemandu sediaada jabatan atau anggota yang diberi surat kuasa untuk memandu Kereta Rasmi Jabatan.</li> <li>3.3.3 Kereta ini hendaklah disimpan selamat di pejabat selepas sesuatu urusan rasmi dan tidak dibenarkan disimpan di rumah,</li> <li>3.3.4 Membenarkan kenderaan rasmi digunakan untuk mengambil dan menghantar pulang pegawai ke rumah bagi menjalankan tugas rasmi sebagai salah satu inisiatif Kerajaan Negeri kepada pegawai untuk meningkatkan system penyampaian awam,</li> <li>3.3.5 Penggunaan Touch 'N" Go atau 'Smart Tag' dan Kad Inden boleh digunakan untuk tujuan di atas,</li> <li>3.3.6 Perolehan kenderaan tersebut perlu mendapat kelulusan daripada Mesyuarat MPKL.</li> </ol> </li> </ol> <p><u>Syor urus setia</u>  Pihak Urus setia mengharapkan agar cadangan berikut</p>	
--	---	--



		<p>dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh pihak ahli mesyuarat yang bersidang pada hari ini :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Meluluskan pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil 1 Tahun 2013 dan Surat PWN.Sel (PPA )052 Jilid 3 (14) dengan kesesuaian pemakaian di MPKL.</li> <li>b) Meluluskan penyediaan satu kenderaan khas untuk Setiausaha, MPKL.</li> <li>c) Meluluskan menetapkan pemandu sedia ada untuk Setiausaha, MPKL.</li> <li>d) Meluluskan kenderaan sediaada iaitu Proton X70 untuk digunakan untuk tujuan ini.</li> </ol> <p><b><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.</p>	
	6.3	<p><b><u>KERTAS MESYUARAT NO. 3</u></b></p> <p><b>CADANGAN PENGUBAHAN RANCANGAN TEMPATAN KUALA LANGAT (PENGUBAHAN 2) 2030.</b></p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><i>Latar belakang</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Rancangan Tempatan Kuala Langat 2030 (RTKL2030) ini mula disediakan pada tahun 2016 dan telah mendapat kelulusan JPNS Bil 5/2017 bertarikh 4 Disember 2017.</li> <li>2. RTKL 2030 telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor melalui No Warta 2382 bertarikh 5 Julai 2018 dan telah disediakan melalui kerjasama PLANMalaysia@Selangor serta Perunding Perancang Bandar IZM Consult.</li> <li>3. Pihak Jabatan juga telah menjalankan Pengubahan 1 RTKL 2030 dan kawasan yang terlibat pindaan zon gunatanah sebanyak 236 lot dengan keluasan 6,222.96 ekar iaitu 2.9 peratus dari keluasan daerah. Sebanyak 7 Blok Perancangan (BP) dan 22 Blok Perancangan Kecil (BPK) yang terlibat.</li> <li>4. Rancangan Tempatan Kuala Langat</li> </ol>	JPP

	<p>(Pengubahan 1) 2030 telah dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 27/2020 bertarikh 29 Julai 2020 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 28/2020 pada 5 Ogos 2020. Sehingga kini, pihak jabatan sedang mendapatkan proses pewartaan oleh Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor di bawah Subseksyen 15(4), Akta 172.</p> <p>5. Sehingga 10 November 2020, pihak jabatan telah menerima sebanyak 40 permohonan penukaran zon gunatanah daripada pemilik-pemilik tanah serta agensi berkaitan. Sehubungan itu, satu perbincangan Teknikal RTKL (Pengubahan 2) 2030 bersama jabatan teknikal telah diadakan pada 11 November 2020 bagi mendapatkan pandangan dan cadangan berkenaan permohonan-permohonan yang dikemukakan bagi tujuan penukaran zon gunatanah.</p> <p><u>Keperluan pindaan bagi Rancangan Tempatan Kuala Langat (Pengubahan 2) 2030</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. RTKL (Pengubahan 2) 2030 ini akan merujuk kepada Manual Rancangan Tempatan (Rancangan Tempatan Penggantian dan Rancangan Tempatan Pengubahan) Edisi 2013 serta cadangan penambahbaikan yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Perancang Negeri Selangor Bil 2/2015 bertarikh 2 Jun 2015.</li> <li>2. Keperluan kepada pengubahan zon gunatanah di dalam Rancangan Tempatan Daerah adalah selaras dengan Subseksyen 16(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).</li> <li>3. Justifikasi kepada pengubahan Rancangan Tempatan Daerah adalah seperti berikut : <ol style="list-style-type: none"> <li>3.2.1 <u>Menyelaras dasar Kerajaan Negeri Selangor berhubung keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Bil ke 11/2019 pada 8 Mei 2019 bagi menukar zon gunatanah dari pertanian kepada kemudahan awam.</u></li> </ol> <p>Cadangan untuk menukar zon gunatanah dari pertanian kepada kemudahan awam bagi lot Lot 185 di</p> </li> </ol>	
--	---	--

		<p>dalam Blok Perancangan Kecil 3.1 : Bukit Jugra</p> <p>3.2.2 <u>Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan Dan Pendengaran RTKL (P1) 2030 yang bersidang pada 21 Oktober 2019. Cadangan ini telah disyorkan untuk ditolak oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) Bil.4/2019 kerana tidak termasuk di dalam Publisiti Awam RTKL (Pengubahan 1) 2030.</u></p> <p>Sebanyak 21 lot yang terlibat seperti di <b>Lampiran A1.</b></p> <p>3.2.3 <u>Penyelarasan semula zon gunatanah yang berpotensi merujuk kepada permohonan yang dikemukakan oleh agensi, pemilik tanah dan pemaju serta memperincikan Klasifikasi Aktiviti Kegunaan Tanah (<i>Land Use Class Order</i>)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Permohonan melibatkan lot-lot besar iaitu melebihi 10 ekar seperti di <b>Lampiran A2.</b></li> <li>ii. Permohonan dipertimbangkan penukaran zon gunatanah yang melibatkan lot-lot kecil seperti di <b>Lampiran A3.</b></li> </ol> <p>3.2.4 <u>Membatalkan perkara 4.6 berhubung Penyediaan Zon Penampakan kawasan industri di muka surat 6-28 dan dipinda kepada Garis Panduan Dan Piawaian Negeri Selangor Edisi 3 kepada Piawaian Umum Zon Penampakan di muka surat 3-4.</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Terdapat kesilapan pada Bab 6 di muka surat 6-28 di perkara 4.6 iaitu Penyediaan Zon Penampakan Kawasan Industri di mana zon penampakan ini masih menggunakan garis panduan yang lama iaitu 500 Meter untuk industri berat, 250 meter bagi</li> </ol>	
--	--	---	--

industri sederhana, 200 meter untuk industri khas dan 50 meter untuk industri ringan.

**PERKARA 4.6: PENYEDIAAN ZON PENAMPAN KAWASAN PERINDUSTRIAN**

**Garis Panduan Khusus**

1. Zon penampian hijau perlu disediakan sekurang-kurangnya 70% dari keseluruhan zon penampian. Elemen yang dibenarkan hanya tiang dan lampu jalan.
2. Zon penampian fizikal hanya dibenarkan tidak melebihi 30% dari zon penampian keseluruhan dan terdiri daripada tempat letak kereta 'driveway', laluan pejalan kaki, jalan raya, longkang dan parit, sungai, tasik, dan kawasan lapang.
3. Bagi bangunan industri yang menghadap jalan utama, rezab landskap 1.5 meter perlu disediakan.
4. Keperluan zon penampian dan jaluran tanaman adalah seperti berikut:


Jenis Industri	Keperluan Zon Penampian	Jaluran Tanaman
Industri Berat	500 m (1,640')	30 m (98')
Industri Sederhana	250 m (820')	20 m (66')
Industri Khas	200 m (660')	20 m (66')
Industri Ringan	50 m (1,64')	10 m (33')

Rujukan:

- Garis Panduan Perindustrian, Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor, JPBD Negeri Selangor.
- *Guidelines for Siting and Zoning of Industries*, Jabatan Alam Sekitar
- Garis Panduan Perancangan Kawasan Perindustrian, JPBD Semenanjung Malaysia

**BP / Kawasan Terlibat** Semua kawasan perindustrian

- ii. Jadual ini tidak selaras dengan garis panduan di dalam sumber Rujukan yang dirujuk iaitu Manual Garis Panduan & Piawaian Perancangan Negeri Selangor Edisi ketiga di mana menggunakan zon penampian yang baru iaitu 300 Meter untuk industri berat, 150 meter bagi industri sederhana dan 50 meter untuk industri ringan.



iii. Pemakaian zon penampakan adalah merujuk kepada Manual Garis Panduan & Piawai Perancangan Negeri Selangor serta dasar-dasar terkini yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan semasa adalah terpakai serta perlu diselaraskan di setiap Jadual Kelas Kegunaan Tanah setiap Blok Perancangan Kecil yang terlibat.

3.2.5 Memasukkan satu Klausula Pengecualian untuk membolehkan apa-apa peruntukan atau ketetapan di dalam Rancangan Tempatan ini terpakai walaupun melibatkan apa-apa pindaan/pengubahsuaian dari semasa ke semasa iaitu contoh klausula :

*“Apa-apa notis, dokumen, surat pemberitahuan dan ulasan yang telah dikeluarkan /dibuat terdahulu hendaklah terus terpakai dan berkuatkuasa seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah RT ini sehingga dibatalkan.”*



Asas pertimbangan

1. Berdasarkan peruntukan di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172), pengubahan Rancangan Tempatan boleh dilaksanakan merujuk kepada peruntukan-peruntukan berikut :
  - i. Seksyen 12A, mengadakan publisiti berkaitan dengan penyediaan Draf Rancangan Tempatan.
  - ii. Subseksyen 16(1), Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) boleh pada bila-bila masa, membuat cadangan untuk pengubahan, pembatalan atau penggantian suatu Rancangan Tempatan.
  - iii. Subseksyen 16(2) iaitu jawatankuasa boleh memberi arahan kepada PBPT berkaitan pengubahan, pembatalan atau penggantian sesuatu Rancangan Tempatan dan PBPT hendaklah melaksanakan arahan tersebut dengan secepat yang mungkin.
  - iv. Subseksyen 16(3) dengan mematuhi peruntukan subseksyen 12(8) dan (9), seksyen 13, 14 dan 15 berhubung cadangan pengubahan tersebut.

Syor urus setia

Mesyuarat yang bersidang pada hari ini dipohon untuk :

1. Cadangan Pengubahan Rancangan Tempatan Kuala Langat (Pengubahan 2) 2030 di bawah peruntukkan Seksyen 16, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172).
2. Bersetuju dengan cadangan pengubahan zon gunatanah untuk publisiti awal di bawah Subseksyen 12 (A), Akta 172.
3. Bersetuju berkenaan pembatalan jadual di para 4 di Perkara 4.6 dalam Bab 6 di muka surat 6-28 iaitu Penyediaan Zon Penampakan Kawasan Perindustrian dan digantikan mengikut keperluan Manual Garispanduan Dan Piawai Perancangan Negeri Selangor yang

berkuatkuasa dalam RTKL 2030 dan seterusnya dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor.

Ulasan ahli mesyuarat

1. Encik Mat Irwan menyatakan Pengubahan 2 ini menunjukkan dinamik pembangunan yang menyeluruh bagi daerah Kuala Langat. Selain itu, beliau mendapati banyak permohonan pertukaran syarat tanah di Sri Cheeding dikemukakan kepada pihak Majlis.

Beliau turut membangkitkan mengenai cadangan pembangunan pesisir Pantai Morib dengan menambak kawasan laut adalah satu cadangan yang sensitif dan memerlukan kajian yang teliti.

2. Encik Naharanuar membangkitkan mengenai cadangan pembinaan jeti serta jajaran jalan perhubungan oleh Lion Group yang akan melalui kawasan Kundang. Beliau ingin tahu sama ada ia merupakan laluan baharu atau akan melalui jalan kampung.

*Pengarah JPP menyatakan cadangan jajaran jalan tersebut adalah untuk kegunaan Lion Group sahaja. Cadangan ini masih di peringkat awal dan akan melalui proses yang panjang yang memerlukan kajian dan penelitian sebelum diluluskan.*

3. Encik Wong Kim Loon ingin tahu sama ada terdapat permohonan untuk membina sebuah hospital baru di Kuala Langat.

*Pengarah JPP memaklumkan sebelum ini terdapat cadangan untuk menyediakan sebuah hospital di kawasan Kota Seri Langat. Namun disebabkan jumlah kadar premium tanah yang tinggi menyebabkan KKM bersetuju untuk menambah bangunan baharu dalam kawasan yang sedia ada di Hospital Banting. Selain itu, terdapat tapak di kawasan Gamuda Cove yang diwartakan untuk kemudahan kesihatan.*

**KEPUTUSAN MESYUARAT**

Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.

	<p><b>6.4</b>    <b><u>KERTAS MESYUARAT NO. 4</u></b></p> <p><b>PENGESAHAN PINDAAN KEPADA SENARAI NILAIAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT MULAI 1 JANUARI 2021.</b></p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Asas-asas Pertimbangan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sebanyak 2,656 pegangan baru dimasukkan ke dalam senarai nilai, 772 pegangan dipinda nilai tahunannya dan sebanyak 44 pegangan dibatalkan dari senarai nilai seperti di <b>Lampiran B.</b></li> <li>2. Jumlah pegangan bertambah sebanyak 2,612 pegangan berkuatkuasa pada 1 Januari 2021 menjadikan pegangan berdaftar berjumlah 89,853 pegangan.</li> <li>3. Pertambahan pegangan harta baru dan pindaan harta semasa menyebabkan pertambahan nilai tahunan sebanyak RM 7,633,488.00 di mana anggaran cukai taksiran bertambah sebanyak RM 689,951.95</li> <li>4. Anggaran nilai tahunan pegangan Majlis mulai 1 Januari 2021 ialah RM 502,867,352.10 dan anggaran jumlah kutipan cukai taksir pula ialah RM 41,079,904.85</li> </ol> <p><u>Syor urus setia</u></p> <p>Pihak urusetia mengesyorkan supaya Majlis Mesyuarat pada hari ini dapat mengesahkan Pindaan Senarai Nilai Majlis Perbandaran Kuala Langat mulai 1 Januari 2021.</p> <p><b><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.</p>	<p><b>JPPH</b></p>
--	---	--------------------



7.0	<b><u>UCAPAN PENANGGUHAN</u></b>		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman.		
	7.1	<p>Beliau mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, Y.A.D. Dato' Orang Besar Daerah, Penolong Setiausaha MPKL, Y.B. ADUN Kawasan Banting, semua Ahli Majlis dan Pengarah-pengarah Jabatan MPKL yang hadir pada hari ini menerusi ruangan maya secara langsung sebagai satu norma baharu.</p> <p>Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan dalam Mesyuarat MPKL Bilangan 9 ini.</p>	<b>Makluman</b>
	7.2	<p>Dalam slogan baharu yang di akujanjikan iaitu Kuala Langat Indah, Harmoni dan Bestari, besar harapan beliau waima penduduk seluruh daerah Kuala Langat yang pesat membangun serta pelaburan, pasti akan menjadi tumpuan ke arah pembangunan yang digelar sebagai Lembah Klang Kedua ini.</p> <p>Besar harapan beliau agar ianya berjaya dengan pembangunan yang lebih canggih tetapi tetap mengekalkan ekosistem dan sosio ekonomi serta modal insan yang tidak terlalu pantas meninggalkan apa yang sepatutnya dikekalkan dalam norma arus pembangunan agar keindahan semulajadi, flora dan fauna akan dikekalkan indah dan bestarinya pemikiran mahu pun budaya kesemua rakyat di daerah Kuala Langat ini agar dapat seiring dengan kemajuan yang akan dibawa masuk pada setiap masa.</p>	<b>Makluman</b>
	7.3	<p>Selaras dengan status baru ini banyak kerja-kerja pembaikan infrastruktur yang lebih baik dapat dilaksanakan dan juga telah terlaksana. Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertindak di barisan hadapan kepada sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan sudah pasti harapan masyarakat amat tinggi agar MPKL dapat memberikan perkhidmatan perbandaran di tahap yang cemerlang.</p> <p>Ahli-Ahli Majlis turut sama berganding bahu dalam memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada pelanggan dan "<i>stake holder</i>".</p>	<b>Makluman</b>

	<p>7.4 Dunia digemparkan dengan pandemik COVID-19 pada pertengahan bulan Disember 2019 di Wilayah Wuhan dan wabak ini telah menular ke seluruh dunia termasuk Malaysia. COVID-19 mencatatkan statistik jangkitan dan kematian yang tinggi dan merebak dengan cepat berbanding penyakit yang lain seperti Mers-CoV, Sars-CoV dan wabak Influenza.</p> <p>Krisis wabak ini mengakibatkan kesan langsung ke atas perkembangan ekonomi negara. Justeru prihatin dengan masalah ini, Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor mengekalkan Pakej Rangsangan Selangor Prihatin yang menelan belanja hampir RM 400 juta bagi mengurangkan beban ekonomi akibat penularan COVID-19.</p> <p>Pada gelombang kedua pandemik tersebut, inisiatif ini telah memperuntukkan penangguhan jangka masa panjang bagi pembayaran yang terpilih. Selain itu, ia dapat memberi manfaat kepada petugas-petugas barisan hadapan dalam memerangi COVID-19. Begitu juga dengan peniaga-peniaga berlesen selama tempoh dibenarkan mengikut budi bicara dan pekeliling daripada kerajaan tempatan.</p> <p>Setiap usaha dan langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor ini wajar dipuji dan dihargai oleh segenap lapisan masyarakat, kakitangan kerajaan dan sebagainya. Tidak ketinggalan usaha pihak MPKL yang berusaha keras memantau dan menjalankan kerja-kerja sanitasi di tempat-tempat awam bagi mengawal penularan wabak COVID-19 ini.</p> <p>Kita juga seharusnya berterima kasih dan menghargai petugas-petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus mengekang wabak ini.</p>	<b>Makluman</b>
	<p>7.5 Seperti yang diketahui umum, isu pandemik COVID-19 akan berterusan selagi vaksin virus ini masih tidak dapat ditemukan. Sehubungan dengan itu, bagi menghadapi cabaran waktu yang singkat, semua pihak harus bersedia untuk menghadapi cabaran ekonomi seperti belanjawan yang baharu disediakan dimana belanjawan defisit adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Namun begitu sekiranya keadaan semakin serius, berkemungkinan angka pendapatan MPKL pada tahun hadapan akan lebih mencabar lagi.</p>	<b>Makluman</b>


		Oleh itu, semua pihak perlu lebih berhemah dan berjimat cermat dalam menzahirkan perbelanjaan pada masa ini yang kebanyakannya perkhidmatan yang disediakan oleh PBT sudah menjadi perkhidmatan asas kepada masyarakat amnya. Setiap perbelanjaan perlu dirancang dengan lebih teliti dan lebih terperinci serta mengikut pekeliling norma yang baharu.	
	7.6	<p>Beliau memohon maaf sekiranya terdapat kesilapan diatas keterlanjuran kata yang tidak disengajakan sepanjang Mesyuarat MPKL ini berlangsung dalam definisi terminologi digitalisasi pasca norma baharu, seiring dengan agenda Negeri Pintar Ulung atau pun "<i>Premier Smart State</i>".</p> <p>Beliau juga menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga MPKL dan semoga muafakat ini akan menjadikan Kuala Langat sebuah perbandaran yang paling unggul di Negeri Selangor bahkan dikenali di seluruh Malaysia.</p> <p>Beliau mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun :</p> <p style="padding-left: 40px;">Dari mercu turun di perdu, Tiap saat langkah berhemat, Ekonomi rakyat terus dipacu, Demi rakyat terus berkhidmat.</p>	<b>Makluman</b>
<b>8.0</b>	<b><u>UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi</u></b>		
